

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan Kesatuan Eropah telah melarang penggunaan HHP ini di dalam EU dan bahkan baru-baru ini pada tahun 2020, Encik Baskut Tuncak, mantan Pelapor Khas PBB mengenai hak asasi manusia dan bahan berbahaya dan sisa untuk EU bercakap mengenai racun perosak yang dilarang ini yang diimport secara sah di tiga kawasan di dunia iaitu ASEAN, Afrika dan Amerika Selatan. Apa yang sedang kita lakukan untuk mengekang import HHP ini untuk mengurangkan dan mengganti penggunaan racun perosak berbahaya - apakah tindakan yang diambil terhadap ini. Mengapa masih belum ada sistem sehingga hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian sentiasa peka dengan isu berkaitan penggunaan racun perosak. Racun makhluk perosak di Malaysia dikawal selia secara komprehensif di bawah Akta Racun Makhluk Perosak, 1974. Oleh itu setiap racun makhluk perosak yang diimport, dikilang, dijual dan diguna perlu melalui proses pendaftaran yang menilai setiap aspek berkaitan risiko kepada kesihatan manusia serta keseimbangan alam sekitar. Kebanyakan racun perosak

SOALAN NO : 326

dalam kategori *Highly Hazardous Pesticides* (HHP) telah ditarik balik pendaftarannya dan tidak lagi digunakan di negara ini seperti paraquat yang telah diharamkan pada 1 Januari 2020. MAFI melalui Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) juga sentiasa melaksanakan kajian semula pendaftaran bagi menilai risiko racun perosak yang telah berdaftar dari masa ke semasa.

Terdapat juga racun perosak kategori HHP yang masih digunakan tetapi terhad untuk kawalan perosak pada tanaman tertentu sahaja seperti *monocrotophos* dan *methamidophos* yang digunakan untuk kawalan ulat bungkus pada tanaman sawit. Penggunaannya hanya dibenarkan secara suntikan batang (*trunk injection*) sahaja bagi mengurangkan risiko kepada pengendali racun perosak tersebut. Penggunaan racun perosak jenis ini juga tertakluk kepada Peraturan Racun Perosak Amat Bisa, 1976 yang meliputi penekanan terhadap tanggungjawab majikan dan pengguna dalam aspek keselamatan.

Negara juga telah meratifikasi Konvensyen Rotterdam berkaitan perdagangan bahan kimia berbahaya termasuk racun perosak pada 4 September 2002. MAFI melalui LRMP mengawal prosedur import dan eksport racun perosak yang disenaraikan di bawah konvensyen ini. Dalam masa yang sama, Malaysia turut berkongsi maklumat dan kepakaran dengan negara-negara ahli yang lain yang terdiri daripada negara maju seperti Kesatuan Eropah (EU) dan negara-negara membangun. Perkongsian maklumat tersebut merangkumi isu risiko, keselamatan dan lain-lain temuan baru untuk dijadikan panduan dalam merangka dasar dan polisi kebangsaan berkaitan kawalan racun perosak.

Sekian, terima kasih.